

16 JUN 2001

KU LI KATA TIDAK MUNGKIN BELIAU DIPILIH MENTERI KEWANGAN

KOTA BAHARU, 16 Jun (Bernama) -- Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah berkata tidak mungkin beliau akan dipilih semula untuk menjawat jawatan itu kerana terdapat ramai tokoh yang lebih sesuai.

"Mengapa saya, ada orang lain yang lebih cocok, lebih sesuai," katanya ketika ditanya mengenai spekulasi bahawa beliau akan dilantik menggantikan Tun Daim Zainuddin yang meletakkan jawatan 1 Jun lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini memangku jawatan Menteri Kewangan.

Ditanya bagaimana jika pemilihan berpihak kepada beliau, Tengku Razaleigh berkata: "Tak ada, tak mungkin akan berlaku."

Mengenai tokoh yang sesuai bagi mengisi jawatan itu, beliau berkata Perdana Menteri akan memilih tokoh yang difikirkannya sesuai.

-- BERNAMA

BD MAI